

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan bersedia meluaskan jaringan dengan pihak luar bagi mengukuhkan hubungan sedia ada demi mendapat faedah bersama.

Bagi mencapai matlamat itu, UUM mengadakan kerjasama dengan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan pembuatan, Whizz Systems Inc., Amerika Syarikat.

Pengarah Pusat Jaringan Universiti-Industri (UIL), Prof. Madya Dr. Shahizan Hassan berkata, kerjasama ini dapat dimantapkan dengan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), perundingan dan pembelajaran secara bersama.

"Pertemuan ini mengorak langkah yang lebih jauh bagi meneruskan usaha mengglobalisasikan universiti misalnya menghantar pensyarah ke sana dan menghasilkan penyelidikan yang berkualiti," katanya di EDC-UUM, semalam.

Sementara itu, Presiden Whizz Systems Inc., Muhammad Irfan berkata, universiti dapat menyumbang idea hebat untuk memberi keuntungan melalui R&D yang dijalankan mengikut bidang kepakaran masing-masing.

"Pada masa yang sama, ia juga membina hubungan baik antara staf akademik dengan pihak industri yang menyumbang kepada inovasi dan kunjungan ini memberi peluang untuk meneroka lebih banyak peluang yang boleh dimanfaatkan secara bersama," ujarnya.

Dalam pertemuan yang membincangkan kerjasama dua hala, beliau turut menyatakan perkembangan dan memberi respon positif terhadap tujuh pelajar UUM yang sedang menjalani praktikum di Amerika Syarikat.

Beliau berpuas hati dengan prestasi yang tunjukkan oleh pelajar UUM yang mempamerkan sikap positif, bertanggungjawab, komited, proaktif dan bijak membawa diri bergaul dengan masyarakat di sana.

"Walaupun mereka mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris yang baik namun pada awalnya pertuturan mereka kurang difahami oleh staf di sana memandangkan dialek yang berbeza, mujur mereka cepat belajar untuk menyesuaikan diri.

"Mereka bersedia menerima tugas yang diberikan dengan penuh dedikasi, menerima nasihat dan memperbaiki diri dengan menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa," jelasnya.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my